

**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN 3  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022  
PERNIAGAAN**

**Kertas 1  
3766/1  
November 2022**

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

1. Apakah kepentingan keuntungan kepada sesebuah perniagaan?
  - A Meningkatkan imej perniagaan
  - B Mengukuhkan kedudukan perniagaan
  - C Menambahkan pendapatan perniagaan
  - D Meningkatkan taraf hidup masyarakat
  
2. Gambar 1 di bawah menunjukkan suatu sektor perniagaan.



Gambar 1

Apakah kepentingan sektor tersebut?


- A Menjaga kesihatan orang ramai
  - B Memberi sumbangan kepada eksport negara
  - C Memastikan aktiviti perniagaan berjalan lancar
  - D Melibatkan aktiviti khidmat percuma kepada negara
- 
3. Maklumat di bawah berkaitan dengan perniagaan Nur Emazah Trading.

- |                         |           |
|-------------------------|-----------|
| • Jumlah jualan tahunan | RM60 juta |
| • Bilangan pekerja      | 70 orang  |

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kelebihan bentuk perniagaan tersebut?

- A Kos overhead rendah
- B Kos upah yang rendah
- C Perniagaan yang lebih fleksibel
- D Perniagaan mengamalkan pengkhususan

4. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan menjalankan perniagaan berskala tempatan?
- A Mudah untuk mengendalikan perniagaan
  - B Liputan pasaran meliputi sesebuah negara
  - C Kos menjalankan perniagaan adalah rendah
  - D Mendapat sokongan kewangan daripada syarikat antarabangsa
5. Rajah 1 di bawah berkaitan dengan skala perniagaan.



Rajah 1

Apakah X?

- A Zon
  - B Negeri
  - C Daerah
  - D Global
6. Maklumat berikut menunjukkan suatu peranan kerajaan di Malaysia.

Bidang kuasa atas bahan galian dan tanah serta mewujudkan kawasan industri untuk memajukan kegiatan ekonomi

Kerajaan manakah yang memainkan peranan bagi pernyataan di atas?

- A Kerajaan pusat
  - B Kerajaan negeri
  - C Kerajaan tempatan
  - D Pihak berkuasa tempatan
7. Apakah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah pengangguran bermusim?
- A Menurunkan kadar cukai
  - B Menurunkan kadar faedah
  - C Menggalakkan penggunaan mesin moden
  - D Memberi insentif kepada perniagaan untuk terus beroperasi

8. Keadaan yang manakah menyebabkan trend meningkat dalam persekitaran perniagaan?

- A Pekerja yang bermotivasi tinggi, rajin serta berdisiplin
- B Pengurusan yang kurang cekap dan tidak sistematik
- C Keadaan ekonomi yang tidak berkembang
- D Sistem perundangan yang tidak stabil

9. Maklumat di bawah ini berkaitan gaya pengurusan.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Pekerja kurang bermotivasi</li><li>• Tahap disiplin yang rendah</li></ul> |
|---|

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A Gaya pengurusan laissez-faire
- B Gaya pengurusan automatik
- C Gaya pengurusan sederhana
- D Gaya pengurusan sokongan

10. Antara yang berikut, yang manakah adalah contoh kos tetap bagi sebuah restoran?

- I Beras
- II Minyak masak
- III Kerusi dan meja
- IV Peralatan memasak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan pembentukan visi, misi, dan objektif (VMO) sesebuah organisasi?

- I Dijadikan panduan dalam pengurusan organisasi
- II Merupakan asas pembentukan strategi perniagaan
- III Dijadikan asas untuk mendapat pembiayaan luar
- IV Dibentuk untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

Maklumat berikut berkaitan pengeluaran Syarikat Bumi Maju Sendirian Berhad.

Syarikat Bumi Maju Sendirian Berhad bercadang untuk menghasilkan bola ragbi. Berikut ialah maklumat yang diberikan oleh akauntan syarikat.

Sewa kilang setahun: RM 25 000 sebulan

Jumlah gaji pekerja setahun: RM20 000 sebulan

Kos berubah seunit bola ragbi: RM 20

Harga jualan seunit bola ragbi : RM50

12. Berapakah unit bola ragbi yang perlu dikeluarkan dan dijual sepanjang tahun untuk syarikat mencapai titik pulang modal (TPM)?

- A 500
- B 900
- C 1000
- D 1 500

13. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan berdaya saing sesuatu perniagaan.

- A Kedudukan kewangan syarikat adalah baik.
- B Perniagaan melakukan promosi yang berterusan
- C Perniagaan mampu terus bertahan dalam industri
- D Jenama perniagaan berkenaan sudah dikenali ramai

14. Maklumat berikut merupakan tugas harian Puan Maimunah.

- Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang yang dibeli adalah tepat
- Memastikan barang pesanan mencukupi dan berkualiti


Bahagian fungsian manakah yang puan Maimunah ditempatkan?

- A Pembelian
- B Pengagihan
- C Pentadbiran
- D Pengeluaran

15. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pekerja untuk memastikan risiko kegagalan dapat diminimumkan?

- A Berbincang dengan pengurus
- B Berusaha dengan bersungguh-sungguh
- C Memahami bidang tugas masing-masing
- D Mematuhi Standard Prosedur Operasi tugas yang ditetapkan

16. Rajah 2 menunjukkan suatu saluran agihan.



Rajah 2

Apakah barangan yang sesuai menggunakan saluran agihan itu?

- I Beras
  - II Majalah
  - III Kosmetik
  - IV Barangan dapur
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 17 Antara yang berikut yang manakah merupakan faedah bukan berbentuk kewangan yang diberi kepada pekerja?
- A Komisen
  - B Pinjaman
  - C Cuti rehat
  - D Bonus tunai
- 18 Antara yang berikut, yang manakah dilindungi di bawah Akta Hak Cipta 1987?
- A Hak Cipta
  - B Karya Seni
  - C Cap Dagang
  - D Petunjuk Geografi

19. Gambar 2 di bawah menunjukkan bahagian fungsian dalam sebuah syarikat .



Gambar 2

Apakah peranan bahagian fungsian yang ditunjukkan oleh gambar tersebut?

- A Mengagihkan sumber kewangan ke bahagian yang memerlukan secara cekap  
B Mengenal pasti sumber pembiayaan bagi menambahkan modal  
C Menjawab pertanyaan pelanggan berkenaan dengan barang dan perkhidmatan  
D Mengemaskini dan mempromosikan barang dan perkhidmatan
20. Bagaimanakah pekerja ditempatkan dalam organisasi perniagaan?
- I Berdasarkan kemahiran  
II Mengikut kelayakan akademik  
III Mengikut keutamaan kemasukan  
IV Mengikut tempat kelahiran pekerja
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
21. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian.


- Ganjaran yang diberi kepada pekerja yang terlibat dalam aktiviti jualan
- Jumlah jualan dibuat akan menentukan jumlah ganjaran

- A Elaun  
B Komisen  
C Bonus tunai  
D Pinjaman kewangan

22. Mengapakah kemahiran keboleherjaan penting kepada pekerja?

- A Pekerja tidak memerlukan tunjuk ajar
- B Memudahkan pekerja untuk naik pangkat
- C Pekerja akan dibayar dengan gaji yang tinggi
- D Pekerja dapat melaksanakan kerja dengan cekap

23. Rajah 3 menunjukkan sejenis struktur organisasi.



Rajah 3

Apakah jenis struktur organisasi di atas?

- A Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
- B Struktur organisasi berdasarkan produk
- C Struktur organisasi berdasarkan fungsian
- D Struktur organisasi berdasarkan geografi

24. Gambar 3 menunjukkan sumber fizikal perniagaan.




Gambar 3

Bagaimanakah prosedur mengurus sumber tersebut ?

- A Perlindungan insurans dan keselamatan
- B Penggunaan alatan yang terbiar
- C Hak eksklusif untuk suatu reka cipta
- D Mengelakkan ancaman dan cetak rompak

25. Rajah 4 di bawah menunjukkan sumber teknologi.



Rajah 4

Apakah Z?

- A Paten
- B Hak cipta terpelihara
- C Peralatan teknologi dan komunikasi
- D Kemahiran dan pengalaman

26. Gambar 4 di bawah menunjukkan sejenis produk perniagaan.




Gambar 4

Apakah tujuan utama perniagaan tersebut mengurus produk siap di atas?

- A Supaya produk sentiasa mencukupi
- B Supaya produk sentiasa disimpan secara sistematik
- C Supaya dapat mempercepatkan dan memudahkan urusan perniagaan
- D Supaya produk sentiasa berada dalam keadaan baik sebelum memasuki pasaran

27. Rajah 5 di bawah menunjukkan proses pengeluaran yang melibatkan sebuah kilang pakaian..



Rajah 5

Apakah sumber teknologi perniagaan X ?

- A Kain
  - B Kilang
  - C Mesin jahit
  - D Kemahiran pekerja
28. Gambar 5 berkaitan dengan perniagaan pegerai sate di bawah.



Gambar 5

Apakah jenis modal perniagaan yang sesuai bagi perniagaan pegerai sate tersebut?

- I Wang tunai
  - II Bangunan
  - III Pekerja mahir
  - IV Peralatan memasak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29. Pernyataan manakah yang benar mengenai rizab?
- A Pinjaman peribadi peniaga kepada perniagaan
  - B Keuntungan yang diperoleh daripada hasil pelaburan
  - C Modal yang diperoleh daripada bank atau institusi kewangan
  - D Kemudahan kredit jangka pendek yang disediakan oleh bank
30. Apakah kekuatan sumber pembiayaan dari bank dan institusi kewangan kepada seorang pemilik perusahaan kecil dan sederhana (PKS)?
- I Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa
  - II Perniagaan yang berdaya maju dikecualikan pembayaran faedah
  - III Amaun pinjaman yang sedikit tidak tertakluk kepada terma dan syarat
  - IV Ansuran pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
31. Sumber pembiayaan luaran manakah yang paling sesuai bagi pengusaha sebuah stesen minyak yang memerlukan tunai sebanyak RM30 000 untuk membayar pembekal?
- A Rizab
  - B Pemfaktoran
  - C Overdraf bank
  - D Pinjaman jangka panjang
32. Maklumat berikut berkaitan dengan kelemahan sejenis pembiayaan.
- Barang ansuran ditarik balik jika penyewa gagal menjelaskan ansuran .
- Apakah jenis pembiayaan tersebut?
- A Sewa beli
  - B Pinjaman
  - C Gadaian
  - D Pajakan

33. Pernyataan yang berikut berkaitan dengan salah satu butiran dalam penyata kewangan Syarikat AIFatah Sendirian Berhad.

Perbelanjaan pengangkutan pemasaran

Dalam komponen penyata kewangan manakah butiran kos di atas ditunjukkan?

- A Kunci kira-kira  
 B Akaun untung rugi  
 C Akaun perdagangan  
 D Penyata aliran tunai
34. Urusniaga manakah yang akan memberi kesan terhadap kedudukan aset semasa dan aset bukan semasa perniagaan?
- A Menjual barang secara kredit  
 B Mengutip hutang perniagaan  
 C Menjelaskan gaji terakru pekerja  
 D Membeli kenderaan secara tunai
35. Maklumat yang berikut berkaitan margin untung kasar bagi Syarikat Goestan Sendirian Berhad bagi tahun 2021 dan tahun 2022.

Jenis Nisbah	2021	2022
Peratusan margin untung kasar	35%	20%

Apakah kesimpulan anda?

- I Kos belian syarikat menurun pada tahun 2022  
 II Syarikat tidak mengawal kos jualan dengan cekap  
 III Syarikat kurang cekap dalam menetapkan harga jualan  
 IV Kadar jualan kredit syarikat meningkat pada tahun 2021
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV


36. Gambar 6 menunjukkan beberapa barang di kedai runcit Ali.



Gambar 6

Apakah kategori barang tersebut?

- A Stok bergerak cepat
  - B Stok bergerak perlahan
  - C Stok tidak bergerak
  - D Stok kurang bergerak
37. Kemahiran manakah yang memudahkan seorang graduan baharu menjalankan perniagaan di peringkat global?
- A Kemahiran menguruskan stok
  - B Kemahiran pengurusan kewangan
  - C Kemahiran pemasaran perkhidmatan
  - D Kemahiran penggunaan teknologi maklumat
38. Gambar 7 di bawah ini menunjukkan suatu jenis barang.



Gambar 7

Apakah ciri keperibadian usahawan tersebut?

- A Kreatif
- B Inovatif
- C Berpandangan jauh
- D Berinisiatif dan bertanggungjawab

39. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Halimah.

Puan Halimah menjalankan perniagaan menjual makanan haiwan peliharaan. Pada 1 Januari, beliau membeli 20 kampil makanan kucing secara hutang daripada Pembekal Kitten's. Pada 10 Januari, Puan Halimah membawa sekampil makanan kucing ke rumah untuk kucing peliharaan anaknya.

Apakah dokumen perniagaan yang terlibat?

- I Memo
- II Invois
- III Resit rasmi
- IV Slip daftar tunai

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

40. Maklumat yang berikut berkaitan dengan rancangan perniagaan.

Menyediakan spesifikasi tugas mengikut jawatan

Apakah bahagian dalam rancangan perniagaan yang melibatkan perkara di atas?

- A Ringkasan eksekutif
- B Rancangan pentadbiran
- C Rancangan kewangan
- D Rancangan pemasaran

## KERTAS SOALAN TAMAT